



PEJABAT BURSAR
BURSAR'S OFFICE



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 00794



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO. : ISMS 00150

Rujukan Kami : UPM.BEN.100-1/6/3/B8(25)

Tarikh : 19 November 2024

PEKELILING BURSAR BIL. 7 TAHUN 2024

PENYEDIAAN PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN (PPT) TAHUN 2025 BAGI BELANJA MENGURUS, BELANJA PEMBANGUNAN ATAU SUMBER PERUNTUKAN LAIN

1.0 TUJUAN

Tujuan pekeliling ini bertujuan memohon semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Serdang dan Bintulu untuk menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) Tahun 2025 yang menggunakan peruntukan Persekutuan di bawah **Belanja Mengurus, Belanja Pembangunan atau sumber peruntukan lain (iaitu dari Akaun Amanah yang pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan)** untuk semua kaedah perolehan.

2.0 LATAR BELAKANG

Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memastikan agensi di bawahnya menyediakan PPT bagi perolehan yang akan dilaksanakan pada tahun berikutnya termasuk semua kategori perolehan (bekalan/perkhidmatan/ kerja). Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia iaitu PK 2.1 - Perihal Umum – Agensi adalah bertanggungjawab untuk menyediakan PPT selaras dengan prinsip amalan tadbir urus yang baik dan dapat membantu Agensi melaksanakan perolehan dengan terancang dan teratur.

3.0 OBJEKTIF PENYEDIAAN PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN (PPT)

Objektif penyediaan PPT adalah untuk:

- 3.1 Meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan;
- 3.2 Memastikan perolehan Kerajaan dirancang dengan teliti dan sistematik;
- 3.3 Mekanisme untuk memantau perolehan yang dilaksanakan bagi mengelakkan kelewatan, penyelewengan, salah guna kuasa dan perolehan di luar aturan;
- 3.4 Memastikan perolehan adalah mengikut perancangan dan teratur selaras dengan prinsip-prinsip perolehan Kerajaan;
- 3.5 Memastikan perbelanjaan berhemah dapat dicapai dan mengelakkan amalan berbelanja pada saat-saat akhir;
- 3.6 Mengoptimumkan prestasi perbelanjaan tahunan UPM; dan
- 3.7 Makluman awal mengenai perolehan yang akan dipelawa dan supaya pembekal dan kontraktor bersedia untuk menyertainya.

4.0 PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN UNIVERSITI

- 4.1 Semua PTJ dimohon merancang perolehan tahunan bagi perolehan yang akan dilaksanakan pada tahun 2025. PPT yang disediakan adalah untuk membantu UPM melaksanakan perolehan dengan lebih terancang dan teratur serta mengelakkan amalan berbelanja di penghujung tahun serta mengelakkan perbelanjaan melebihi peruntukan. Ketua PTJ hendaklah memastikan semua aktiviti perolehan yang dirancang dilaksanakan dengan cekat dan berkesan; dan
- 4.2 PPT diinput dalam **sistem e-Tender** yang boleh dilayari di laman web Pejabat Bursar (www.etender.upm.edu.my) bermula pada 1 Disember 2024 sehingga dan pihak PTJ perlu menginput PPT tersebut ke dalam sistem ini selewat-lewatnya pada **29 Disember 2024**. Pejabat Bursar perlu mengemukakan PPT kepada Kementerian Pendidikan Tinddi dan Kementerian Kewangan Malaysia sebelum atau pada **15 Januari 2025** .

5.0 PENUTUP

- 5.1 Ketua PTJ adalah bertanggungjawab untuk menyediakan PPT bagi peruntukan yang dinyatakan seperti di para 1.0 iaitu bagi peruntukan **Belanja Mengurus, Belanja Pembangunan atau sumber peruntukan lain (iaitu**

dari Akaun Amanah yang pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan) bagi PTJ masing-masing untuk tahun 2025 selaras dengan amalan prinsip tadbir urus yang baik;

5.2 PPT ini juga perlu dilampirkan oleh semua PTJ semasa menghantar permohonan perolehan pembelian terus, pendaftaran sebut harga atau tender serta perolehan melalui Pekeliling Perbendaharaan PK7.0 bagi memastikan semua perolehan dibuat berdasarkan perancangan yang telah dikemukakan; dan

5.3 Sila hubungi Bahagian Kewangan Pengurusan Perolehan (BKPP), Pejabat Bursar di talian 03-9769 6230 atau 6239 jika terdapat sebarang pertanyaan. Sebarang pindaan kepada PPT yang telah diinput selepas **29 Disember 2024** perlu dikemukakan secara bertulis sahaja kepada Bahagian Kewangan Pengurusan Perolehan (BKPP) sebelum **7 Januari 2025** kerana sistem e-tender akan ditutup bagi tujuan pelarasan pada **30 Disember 2024** sebelum PPT ini dimajukan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,



IZARIAH WATI BINTI MOHD ISA
Bursar
Universiti Putra Malaysia

Edaran:

Semua Ketua
Pusat Tanggungjawab
Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU/PORT DICKSON

